

# Ketua cawangan lawan Vellu rebut presiden

KUALA LUMPUR, Khamis — Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu, akan ditentang oleh pengerusi MIC cawangan Jalan Tun Razak, Encik Y. Thomas, dalam pemilihan pada 22 Januari ini.

Pengerusi jawatankuasa pilihanraya MIC, Encik S. Subramaniam, mengesahkan kertas pencalonan kedua calon itu hari ini.

Seramai 16,148 ahli MIC dari seluruh negara akan mengundi untuk memilih presiden parti pada tarikh itu bagi tempoh tiga tahun.

Encik Subramaniam berkata, beliau dan ahli-ahli jawatankuasa pilihanraya MIC berpuas hati kertas pencalonan kedua calon itu sah.

Ahli-ahli jawatankuasa pilihanraya MIC ialah setiausaha MIC, Encik M. Mahalingam serta Datuk N.S. Maniam, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban dan Datuk Pasamanickam sebagai ahli biasa.

Encik Subramaniam berkata demikian kepada pemberita setelah beliau dan ahli-ahli jawatankuasa pilihanraya MIC memproses kertas-kertas pencalonan untuk pilihanraya memilih presiden MIC di Bangunan MIC di sini hari ini.

Ahli-ahli jawatankuasa itu, katanya, dipilih oleh jawatankuasa kerja pusat pada 18 Disember lalu dan hari ini ditetapkan sebagai tarikh penerimaan kertas pencalonan.

## Cetak

"Bilangan pencalonan yang diterima untuk jawatan presiden dari jam 10 hingga 12 tengah hari ini berjumlah 115," katanya.

Menurutnya, dari jumlah itu 112 kertas pencalonan yang dikemukakan itu adalah untuk Datuk Vellu manakala dua lagi adalah untuk Encik Y. Thomas dan satu lagi kertas pencalonan yang diterima tidak mengandungi nama calon.

Pilihanraya, katanya, akan dijalankan mengikut peraturan dan jawatankuasa itu, memberi tempoh sehingga jam 5 petang 29 Januari ini untuk menarik diri dari pencalonan.

"Setelah tarikh itu, jawatankuasa pilihanraya MIC akan terus mencek kertas undi," kata Encik Subramaniam.

Beliau menambah, pengiraan kertas undi akan diadakan di Bangunan MIC pada 22 Januari selepas jam 7 malam.

Beliau berkata, pencadang bagi pencalonan Datuk Vellu ialah Encik V.K. Sellapan dan penyokongnya ialah Encik M. Malayalam, keduanya dari cawangan Sepang, Selangor.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia